

Abdul Majid puas dengar gema merdeka

10 jam perjalanan dari Pekan bukan penghalang rai detik keramat 31 Ogos 1957

BH- 29/6/2007



50 Tahun Mengisi Kemerdekaan

Oleh Rosli Abdul Jalil

DARI Pekan, Pahang ke Stadium Merdeka di ibu negara mengambil masa perjalanan selama 10 jam dengan menaiki bas dan terpaksa menaiki feri di Jerantut. Namun, sekumpulan anak muda tidak menghiraukannya asalkan dapat menjejak kaki di stadium bagi meraikan detik keramat kemerdekaan negara, tanggal 31 Ogos 1957.

Mereka bertolak sehari lebih awal dan sebaik tiba di Kuala Lumpur, Abdul Majid Mohamad, 76, bersama tiga rakannya bermalam di rumah pegawai nazir sekolah, Abdul Rahman Talib (kemudian dilantik Menteri Pelajaran) di Jalan Kia Peng sebelum ke Padang Kelab Selangor (kini Dataran Merdeka) bagi menghadiri upacara menurunkan bendera Union Jack pada malam 30 Ogos.

Oleh kerana mereka berpakaian lengkap 'bush jacket' dengan logo Umno, entah tiba-tiba anak muda ini diberi tugas sebagai pengawal bagi mengawal ribuan orang yang membanjiri padang ketika itu. Mereka tidak merungut dan tanpa dipaksa, sanggup secara sukarela memikul tugas sebagai pengawal.

"Walaupun agak letih, kami bersemangat tidak mahu melepaskan peluang bersama rakan ke majlis itu. Pada malam itu kami berempat ditugaskan menjadi pengawal orang ramai yang berpusu-pusu membanjiri Padang Kelab Selangor kerana kami berpakaian lengkap 'bush jacket' dengan logo Umno berbanding orang lain," kata Abdul Majid mengimbau kenangan 50 tahun lalu.

Abdul Majid yang ketika itu berusia 26 tahun, tetapi ribuan orang datang ke situ menyebabkan tugas mereka agak mencabar. Keesokan harinya, mereka berpusu pula ke Stadium Merdeka tidak jauh dari padang berkenaan bagi menghadiri majlis pengisytiharan kemerdekaan selepas bermalam di rumah Abdul Rahman.

Pada pagi itu, Abdul Majid bersama rakannya dari Pekan berjalan kaki dari Jalan Kia Peng menuju ke Stadium Merdeka dalam keadaan hujan renyai.

"Sebaik tiba di stadium, pakaian kami basah kuyup, tetapi keadaan itu tidak melemahkan semangat kami, sebaliknya masing-masing asyik bercerita mengenai kemerdekaan dan apa yang harus kami lakukan untuk mengisi kemerdekaan ini.

"Saya masih ingat beberapa minit sebelum Tunku Abdul Rahman bangun membacakan pengisytiharan kemerdekaan, hujan lebat untuk seketika. Semua yang berada di stadium pada pagi itu basah kuyup, tetapi tiada siapa merungut kerana masing-masing tidak sabar mendengar pengisytiharan itu.

"Sebaik hujan semakin reda, Tunku bangun untuk membacakan pengisytiharan kemerdekaan diikuti tujuh laungan 'Merdeka'. Kami semua serentak bangkit menyambut laungan itu. Selagi saya masih hidup, tidak mungkin dapat saya lupakan peristiwa bersejarah itu," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Sungai Miang, dekat Pekan, baru-baru ini.

Abdul Majid yang menjadi ahli Umno pada 1951, ketika itu mengajar di Sekolah Umum Temai. Beliau juga menjadi ahli jawatankuasa Pemuda Bahagian Pahang Timur selain pernah menjadi ahli Angkatan Pemuda Insaf (Api).

Menceritakan pengalamannya, Abdul Majid berkata, tiada kata-kata yang dapat menggambarkan perasaannya sebaik mendengar Tunku Abdul Rahman melaungkan perkataan keramat 'Merdeka' disambut gema laungan yang berada di dalam Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957 itu.

"Macam-macam perasaan ada pada ketika itu kerana terlalu gembira, terharu melihat rakyat berbilang bangsa meraikan kemerdekaan negara. Saya lihat di sekeliling, semua orang bertempik dan melaungkan 'Merdeka'. Ada yang sekadar mengangkat tangan, tetapi ada juga yang melompat kerana terlalu gembira," katanya.

Abdul Majid berkata, beliau berada pada tempat duduk paling atas di Stadium Merdeka dan dapat melihat wajah yang tersenyum dan ketawa kepuasan sebaik laungan Merdeka bergema.

Bagaimanapun, katanya, perjalanan dari Pekan untuk ke Kuala Lumpur ketika itu, adalah agak perit, maklumlah negara baru nak mencapai kemerdekaan.

"Jalan yang terpaksa kami lalui tidak seperti sekarang. Setibanya di Jerantut Feri, kami terpaksa menaiki feri untuk menyeberang sungai sebelum meneruskan

perjalanan ke Kuala Lumpur. Anggota rombongan dari Pekan kebanyakannya bermalam di rumah Abdul Rahman," katanya yang pernah menerima Anugerah Tokoh Guru Daerah Pekan 2002.

Namun, dengan nada merendah diri, Abdul Majid berkata, pengorbanan mereka begitu kecil berbanding terpaksa dilalui pemimpin terdahulu memperjuangkan kemerdekaan.

Beliau mengingatkan generasi hari ini supaya membaca dan menghayati sejarah serta mengkaji sukarnya pemimpin terdahulu berjuang memerdekakan negara.

"Generasi hari ini kurang memahami dan menghayati erti kemerdekaan kerana mereka tidak melalui kepayahan yang pemimpin terdahulu lalui. Mereka tidak dapat merasai peritnya untuk mempunyai negara sendiri yang merdeka, bebas daripada telunjuk penjajah," katanya.

Katanya, perjuangan pemimpin dulu ialah untuk mencapai kemerdekaan demi kepentingan generasi akan datang, bukan untuk kepentingan diri sendiri.

Dulu, katanya setiap orang, terutama ahli Umno terpaksa bersama-sama mengutip duit sesama sendiri untuk menjayakan sesuatu program.

Berbanding hari ini, katanya, parti yang terpaksa mengeluarkan duit kepada ahli untuk 'memujuk' mereka menghadiri majlis yang dianjurkan parti.

Katanya, generasi pascamerdeka bertuah kerana mereka menikmati pelbagai kemudahan yang disediakan kerajaan berbanding generasi terdahulu yang terpaksa berhempas pulas meneruskan kehidupan.

Abdul Majid yang juga Setiausaha Kehormat Kelab Veteran Umno Bahagian Pekan berharap, ahli veteran tidak dipinggirkan kerana jasa mereka sangat besar kepada parti dan negara.

PROFIL

Abdul Majid Mohamad



Umur: 76 tahun

Tarikh Lahir: 25 Julai 1931

Asal: Sungai Miang, Pekan, Pahang

Jawatan dulu:

- Ahli Jawatan kuasa Pemuda Umno Bahagian Pahang Timur
- Ahli Jawatan kuasa Angkatan Pemuda Insaf (API)

Jawatan sekarang:

- Ketua Umno Cawangan Kampung Kalong, Sungai Miang
- Setiausaha Kehormat Kelab Veteran Umno Bahagian Pekan
- Ahli Bulan Sabit Merah, Perkim dan Pemadam

- Setiausaha Jawatan kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Sungai Miang

Anugerah:

- Tokoh Guru Daerah Pekan 2002.
- Tokoh Seni Lukis Majlis Daerah Pekan (MDP)



TEMAN SEPERJUANGAN: Abdul Majid (baris tengah, kiri) bersama rakan seperjuangan yang turut serta ke Kuala Lumpur bagi menyaksikan detik bersejarah kemerdekaan negara.